

**DALAM MAHKAMAH SESYEN PASIR MAS**

**DALAM NEGERI KELANTAN**

**KES JENAYAH NO : DJ-62JSK-36-08/2021**

**PENDAKWA RAYA**

**VS**

**SYAMSUL ZAMAN BIN SUKRI**

**ALASAN PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH**

1. Ini adalah alasan kepada permohonan saya kepada Mahkamah Tinggi untuk membuat semakan jenayah mengikut peruntukan di bawah **Seksyen 323 (1) Kanun Acara Jenayah (“KAJ”)**.

**LATAR BELAKANG**

2. Pada pukul 2.57 pagi 11 Ogos 2021, pihak PDRM telah mendaftarkan kes tangkap di atas melalui sistem e-filing CMS Mahkamah. Pada pukul 8.48 pagi saya dimaklumkan bahawa OKT yang sedang ditahan reman dalam lokap IPD Tanah Merah, Kelantan ialah kontak rapat kepada rakan-rakan selokap yang positif virus Covid-19 dan pihak PDRM memohon supaya pertuduhan dijalankan secara sidang video aplikasi Zoom. Bagaimanapun, saya memaklumkan bahawa jika OKT tidak

disahkan positif virus Covid-19, pertuduhan hendaklah secara bersemuka.

3. Seterusnya pada pukul 10.08 pagi saya dimaklumkan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mahkamah Sesyen Pasir Mas bahawa OKT didapati positif virus Covid-19 dan memohon pertuduhan dijalankan secara sidang video aplikasi Zoom.
4. Sehubungan itu, kes ditetapkan untuk sebutan pertuduhan secara sidang video aplikasi Zoom pada pukul 12.00 tengah hari. Pautan telah dihantar kepada pihak-pihak terlibat seperti butir-butir berikut:

*“Pertuduhan kes Mahkamah Sesyen Pasir Mas DJ-62JSK-36-08/2021 Pendakwa Raya v. SYAMSUL ZAMAN BIN SUKRI akan dijalankan secara teknologi jarak jauh sidang video melalui aplikasi Zoom mengikut ketetapan berikut: Tarikh: 11 Ogos 2021. Pukul: 12.00 tengahari.*

*Link: <https://zoom.us/j/97445872270?pwd=UFZNMmtjUFF6OGJxT0hPR0MzSE5udz09>*

*Meeting ID: 974 4587 2270*

*Passcode: emuVOA”*

5. Pada pukul 12.00 tengah hari, setelah saya berpuas hati prosiding perlu dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh dan mengesahkan identiti OKT berdasarkan rekod identiti OKT yang difailkan bersama-sama kertas pertuduhan, dengan dihadiri saya sendiri, jurubahasa Mahkamah, Timbalan Pendakwa Raya dan peguambela OKT, maka pertuduhan secara sidang video aplikasi Zoom dibacakan terhadap OKT sebagaimana tatacara **Seksyen 173(a) KAJ** seperti berikut:

*“Bahawa kamu pada 3 Ogos 2021 jam lebih kurang 9.45 pagi, di sebuah bilik tidur, rumah XX XX, XXXXXXXX XXX XXXXXXX, dalam daerah Tanah Merah, dalam negeri Kelantan dengan maksud seksual telah meraba seorang kanak-kanak berumur 13 tahun 2 bulan bernama XXX XXXXXXXXXXX XXXXX XXXXXXX XXX XXX XX XXXXXXX XXXXX (No. K/P: XXXXXXX-XX-XXXX) dengan memegang kemaluan kanak-kanak itu, oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum dibawah seksyen 14 Akta yang sama.”*

6. OKT yang diwakili peguambela telah pohon dibicarakan, permohonan jamin didengar dan tarikh sebutan seterusnya ditetapkan.

## **ALASAN PERTUDUHAN MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH SECARA SIDANG VIDEO**

7. Seperti sedia maklum, negara telah dan masih dalam situasi penularan wabak Covid-19 dengan pelbagai varian sehingga telah mengakibat darurat kesihatan diisytiharkan bagi seluruh negara. Data mencatatkan setakat 10 Ogos 2021 sejumlah 19,991 kes positif harian dan 201 kematian harian bagi seluruh negara, yang mana 1,030 kes positif adalah daripada negeri Kelantan. Data juga mencatatkan setakat 9 Ogos 2021, peratusan penduduk dewasa negeri Kelantan yang telah menerima 2 dos vaksin ialah 26.4% (Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia).

8. Saya sedar akan **Seksyen 7 KAJ** yang memperuntukkan seperti berikut:

*“The **place** in which any **criminal Court** is held for the purpose of inquiring into or trying any offence shall be deemed an open and public Court to which the public generally may have access.”*

9. Saya juga sedar akan **Seksyen 173(a) KAJ** yang memperuntukkan seperti berikut:

*“The following procedure shall be observed by Magistrates in summary trials:*

*(a) When the accused appears or is brought before the Court a charge containing the particulars of the offence of which he is accused shall be framed and read and explained to him, and he shall be asked whether he is guilty of the offence charged or claims to be tried.”*

10. Dalam semakan jenayah **PP Iwn. SHAHAREEIL SAID [2007] 4 CLJ 405**, Dato’ Zainal Adzam Ghani H memutuskan seperti berikut:

*“(1) Kecuali dibenarkan oleh undang-undang, semua kes jenayah hendaklah dibicarakan di mahkamah terbuka. Ini jelas dari peruntukan s. 101(1) Akta Mahkamah Rendah 1948 ('AMR 1948') dan s. 7 KAJ. Kes saman trafik adalah merupakan kes jenayah dan oleh itu hendaklah dibicarakan di mahkamah terbuka. Pertuduhan dalam kes ini tidak termasuk ke dalam pengecualian yang diberikan oleh s. 101(1) AMR 1948. Oleh itu, apa yang*

*dilakukan SP4 adalah bertentangan dengan kehendak undang-undang. (perenggan 9-11)”..*

11. Kes di atas diputuskan pada tahun 2007. Manakala pada tahun 2020, **Akta Mahkamah Rendah 1948 (“AMR 1948”)** telah dipinda melalui **Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020 (Akta A1622)** dengan memasukkan **Seksyen 101B** selepas **Seksyen 101A**.

12. Bagaimanapun, bagi memastikan proses pentadbiran keadilan berjalan dalam keadaan selamat, teratur dan lancar serta akses kepada keadilan tidak terjejas, dan pada masa yang sama juga prihatin tentang kesihatan, keselamatan dan kebajikan pegawai dan kakitangan Mahkamah, PDRM, pihak Pendakwaan dan peguam, saya telah mempertimbangkan pemakaian **Seksyen 101(1) AMR 1948** dan dibaca bersama **Seksyen 101B** Akta yang sama yang memperuntukkan seperti berikut:

**Section 101**

*“(1) The **place** in which any court is held for the purpose of trying any cause or matter, civil or **criminal**, or holding any inquiry, shall*

*be deemed an open and public court to which the public generally may have access:*

***Provided that the court shall have power to hear any matter or proceeding or any part thereof in camera if the court is satisfied that it is expedient in the interests of justice, public safety, public security or propriety, or for other sufficient reason so to do.***

...

### **Section 101B**

***“(1) Without limiting section 101, the court may, in the interest of justice, conduct the proceedings of any cause or matter, civil or criminal, or hold any inquiry, through a remote communication technology.***

***(2) The place in which the court is held to conduct the proceedings of any cause or matter, civil or criminal, or hold any inquiry, through a remote communication technology shall be deemed to be conducted within the local limits of jurisdiction assigned to it under section 59 or 76, or, if no such local limits have been assigned, arising in any part of Peninsular Malaysia.***

*(3) Nothing in this section shall affect the operation of section 5 of the Evidence of Child Witness Act 2007 [Act 676], sections 265A and 272B of the Criminal Procedure Code and section 32A of the Evidence Act 1950 [Act 56].*

*(4) In this section, "place" includes cyberspace, virtual place or virtual space."*

13. Dalam pemakaian **Seksyen 101(1)** dan **101B AMR 1948** di atas, saya merujuk **Seksyen 3 KAJ** yang memperuntukkan seperti berikut:

*"All offences under the Penal Code shall be inquired into and tried according to the provisions hereinafter contained, and all offences under any other law shall be inquired into and tried according to the same provisions: subject however to any written law for the time being in force regulating the manner or place of inquiring into or trying such offences."*

14. Berdasarkan **Seksyen 3 KAJ** di atas, yang ingin ditekankan ialah frasa "*subject however to any written law for the time being in force regulating the manner or place of inquiring into or trying such offences*" yang membenarkan pemakaian undang-undang bertulis lain yang



mengawal selia cara dan tempat mengendalikan kesalahan-kesalahan tersebut.

15. **Akta Mahkamah Rendah 1948** sebagai undang-undang bertulis yang berkuatkuasa, khususnya **Seksyen 101(1) dan 101B**, memberi pengecualian dan kuasa kepada Hakim Sesyen atau Majistret untuk mengendalikan kes-kes sivil dan bahkan kes-kes jenayah secara dalam kamera ataupun secara teknologi komunikasi jarak jauh jika beliau berpuashati bahawa ia perlu atas kepentingan keadilan, keselamatan awam, keamanan awam, kesopanan awam, atau atas alasan lain yang mencukupi untuk berbuat sedemikian.
  
16. Saya berpendapat bahawa pemakaian **Seksyen 101(1) dan 101B AMR 1948** tersebut adalah bersesuaian dengan frasa dalam **Seksyen 3 KAJ** "*subject however to any written law for the time being in force regulating the manner or place of inquiring into or trying such offences*".
  
17. Tambahan lagi, **Seksyen 101B (3) AMR 1948** ada memperuntukkan bahawa, "*(3) Nothing in this section shall affect the operation of section 5 of the Evidence of Child Witness Act 2007 [Act 676], sections 265A and 272B of the Criminal Procedure Code and section 32A*

*of the Evidence Act 1950 [Act 56].”* **Akta Mahkamah Rendah 1948**, khususnya **Seksyen 101B** ada menyentuh berkenaan **Kanun Acara Jenayah** dan menyatakan bahawa seksyen tersebut tidak boleh dipakai bagi **Seksyen 255A** dan **272B KAJ**. Jika begitu, bagaimana pula dengan seksyen-seksyen lain dalam **Kanun Acara Jenayah**? Saya berpendapat ia dapat difahami bahawa tiada larangan dalam pemakaian **Seksyen 101B AMR 1948** kepada seksyen-seksyen lain dalam **Kanun Acara Jenayah**, yang mana berkaitan.

18. Saya merujuk semula kes **PP Iwn. SHAHAREEIL SAID [supra]** yang mana Mahkamah memutuskan bahawa semua kes jenayah hendaklah dibicarakan di mahkamah terbuka, **kecuali dibenarkan oleh undang-undang** iaitu, antara lain, yang termasuk ke dalam **pengecualian** yang diberikan oleh **Seksyen 101(1) AMR 1948**. Ini menunjukkan peruntukan **Seksyen 7 KAJ** bahawa semua kes jenayah hendaklah dibicarakan di mahkamah terbuka bukanlah bersifat mutlak.

19. Jika terdapat perbezaan antara **Seksyen 7 KAJ** dengan **Seksyen 101(1)** dan **101B AMR 1948** sekali pun, kedua-dua Akta, pada pendapat saya, boleh dibaca dengan menggunakan doktrin pentafsiran harmoni. Dalam kes **ABDULLAH ATAN v. PP & OTHER APPEALS [2020] 9 CLJ 151**, YAA Tengku Maimun Tuan

Mat KHN menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan seperti berikut:

*“[53] Furthermore, the DDA is a specific Act relating to and dealing with trials in respect of dangerous drugs. The CPC, on the other hand, is a law of general application. Where there is a conflict between a specific law and a general law, the conflict may be resolved in one of two ways. The first is via the maxim generalia specialibus non derogant. The second is the doctrine of harmonious construction.*

20. Dalam kes **PIHAK BERKUASA TATATERTIB MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI & ANOR v. MUZIADI MUKHTAR [2020] 1 CLJ 1**, Mohd Zawawi Salleh HMP pula menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan seperti berikut:

*[78] In this regard, it would be convenient for us to discuss the doctrine of harmonious constructions. To put it simply, the doctrine of harmonious construction means a statute should be read as a whole and one provision of the Act should be construed with reference to other provisions in the same Act so as to make a consistent enactment of the whole statute. Such an interpretation is beneficial in avoiding*

*any inconsistency or repugnancy either within a section or between a section and other parts of the statute. The five main principles of this doctrine/rule are as follows:*

*(i) the court must avoid a head on clash of seemingly contradictory provisions and they must construe the contradictory provisions so to harmonise them (see Commissioner of Income Tax v. Hindustan Bulk Carriers [2002] 3 SCC 57, p. 74);*

*(ii) the provision of one section cannot be used to defeat the provision contained in another unless the court, despite all its efforts, is unable to find a way to reconcile their differences;*

*(iii) when it is impossible to completely reconcile the differences in contradictory provisions, the courts must interpret them in such a way that effect is given to both provisions as much as possible (see Sultana Begum v. Prem Chand Jain, AIR 1997 SC 1006, pp. 1009, 1010);*

*(iv) courts must also keep in mind that **interpretation that reduces one provision to useless or dead lumber is not harmonious construction** (see Commissioner of Income Tax v. Hindustan Bulk Carriers [2002] 3 SCC 57, p. 74); and*

*(v) to harmonise is not to destroy any statutory provision or to render it fruitless.*

*[79] In a nutshell, the doctrine requires that the legislation be construed in a way which would achieve a harmonious result, and that construction should favour coherence in the law.*

21. Jika diaplikasi prinsip-prinsip doktrin di atas kepada kes di hadapan saya, saya berpendapat bahawa perbezaan antara **Seksyen 7 KAJ** dengan **Seksyen 101(1) dan 101B AMR 1948** bukanlah perbezaan peruntukan yang tidak mungkin dapat diharmonikan. **Akta Mahkamah Rendah 1948**, sebagai Akta yang lebih umum atau dapat dikatakan ibu kepada **Kanun Tatacara Jenayah**, melalui pindaan pada tahun 2020 dengan memasukkan **Seksyen 101B** telah memberi kelonggaran selanjutnya kepada kehendak undang-undang prosedur jenayah yang mewajibkan prosiding jenayah dijalankan secara kehadiran fizikal pihak-pihak, kecuali jika berkaitan, antara lain, **Seksyen 255A dan 272B KAJ**. Tiada konflik pun antara **Seksyen 7 KAJ** dengan **Seksyen 101(1) dan 101B AMR 1948**.
22. Jika ada yang berpendapat bahawa wujudnya percanggahan atau konflik antara **Seksyen 7 KAJ** dengan **Seksyen 101(1) dan**

**101B AMR 1948** dan berpendapat atas *maxim generalia specialibus non derogant* bahawa **Kanun Tatacara Jenayah** yang merupakan Akta yang khusus berbanding **Akta Mahkamah Rendah 1948** justeru itu **Seksyen 7 KAJ** yang terpakai mengatasi peruntukan dalam **Akta Mahkamah Rendah 1948** dan secara spesifiknya **Seksyen 101(1) dan 101B**, maka saya berpendapat bahawa **Akta Mahkamah Rendah 1948** telah menyelesaikannya melalui perkataan yang jelas tanpa kemungkinan pentafsiran yang pelbagai iaitu melalui **Seksyen 109 AMR 1948** yang memperuntukkan seperti berikut:

*“In the event of inconsistency or conflict between this Act and any other written law in force at the commencement of this Act, the provisions of this Act shall prevail.”*

23. Dalam kes **CHAI MEI LIAN v. PP [2006] 2 CLJ 941**, David Wong Dak Wah H memutuskan seperti berikut:

*“[24] Having read both learned judgments more than a few times, I with regret and utmost respect to the learned judge in A Juvenile, adopt the reasoning in the judgment in Shim 's case. And I do so for the following reasons:...*

5. *Section 109 of the Subordinate Courts Act provides that "in the event of inconsistency or conflict between this Act and any other written law in force at the commencement of this Act, the provisions of this Act shall prevail." This provision shows quite clearly that the Subordinate Courts Act is so to say a dominant statute and prevails over other statutes and in the instant appeal, the Customs Act."*

24. Fungsi Mahkamah untuk mentafsir undang-undang telah dibincangkan dalam kes **PP v. TAN TATT EEK & OTHER APPEALS [2005] 1 CLJ 713**, yang mana Ahmad Fairuz KHN dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan, antara lain, menyatakan seperti berikut:

*"The primary duty of the court is to give effect to the intention of the Legislature in the words used by it. It is a well established canon of interpretation that the intent of the legislature is to be gathered from the words used and that if the words used have not acquired any technical meaning, they should be deemed to have been used in their ordinary meaning. If the words of the statute are in themselves precise and unambiguous, then no more is necessary than to expound those words in their natural and ordinary sense. The*

*words themselves alone in such cases best declare the intent of the law giver.”*

25. Selanjutnya, selepas saya berpendapat bahawa **Seksyen 101 dan 101B AMR 1948** boleh digunapakai, isu seterusnya adalah sama ada wujudnya keadaan yang membenarkan saya menggunakan budi bicara menggunakan **Seksyen 101 dan 101B AMR 1948** tersebut dalam kes di hadapan saya.
26. Walaupun tiada frasa “*public health*” secara spesifik dalam **Seksyen 101 dan 101B AMR 1948** tersebut, seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini berkenaan situasi semasa wabak Covid-19 seluruh negara, khasnya negeri Kelantan dan OKT pula didapati positif, saya telah berpuashati bahawa situasi kesihatan awam semasa dan OKT didapati positif virus Covid-19 adalah memenuhi pengecualian “*or for other sufficient reason so to do*”. Sehubungan itu, saya membenarkan prosiding sebutan pertuduhan dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh secara sidang video aplikasi Zoom.
27. Selain itu, saya juga sedar akan kuasa pihak pendakwaan di bawah **Artikel 145 Perlembagaan Persekutuan**, yang memperuntukkan seperti berikut:



*“(3) The Attorney General shall have power, exercisable at his discretion, to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence, other than proceedings before a Syariah court, a native court or a court-martial.”*

28. Sememangnya kehadiran OKT secara fizikal adalah keadaan yang terbaik untuk sesuatu pertuduhan dibacakan terhadapnya. Namun, ia ialah kuasa pihak-pihak Pendakwaan berkenaan, antara lain, bila seseorang OKT itu ingin dituduh dan dalam kes di hadapan saya, Timbalan Pendakwa Raya ingin OKT dituduh pada hari tersebut.

29. Justeru itu, mengambil kira situasi semasa wabak Covid-19, OKT yang didapati positif virus Covid-19, prihatin dengan kesihatan, keselamatan dan kebajikan pegawai dan kakitangan Mahkamah, PDRM, pihak Pendakwaan dan peguambela OKT, tanpa mengabaikan langkah-langkah sewajarnya agar tidak memprejudiskan hak OKT, saya telah mengambil keputusan yang *unprecedented* menggunakan budi bicara kehakiman saya menggunakan **Seksyen 101** dan **101B AMR 1948** bagi prosiding tersebut. Saya juga berpendapat dan mendapati bahawa OKT tidak mengalami apa-apa prejudis sepanjang prosiding tersebut dijalankan.

30. Bagaimanapun, jika OKT mengaku salah selepas dibacakan pertuduhan, keadaan akan berbeza, yang mana pada pendapat saya adalah tidak selamat dan akan memprejudiskan OKT untuk diteruskan dengan prosiding sabitan dan jatuh hukum kerana kesukarelaan pengakuan salah merupakan isu yang sangat penting. Budibicara kehakiman ini pada pendapat saya, perlu digunakan atas dasar *case by case* bagi menjaga kepentingan keadilan.

31. Kes **PP lwn. SHAHAREEIL SAID [supra]** sekali lagi dirujuk, yang mana Mahkamah dalam menyampaikan penghakiman menyatakan seperti berikut:

*“[15] Selain daripada itu adalah menjadi prinsip undang-undang acara jenayah bahawa pengakuan salah tidak boleh diterima oleh mahkamah kecuali ianya dinyatakan oleh tertuduh sendiri di hadapan mahkamah, sama ada tertuduh diwakili oleh peguambela atau tidak. Prinsip ini telah ditetapkan oleh mahkamah seawal tahun 1932 lagi dalam kes Tan Thian Chai [1931] 1 LNS 27; [1932] MLJ 74. Mahkamah Agung telah menetapkan beberapa perlindungan-perlindungan untuk menentukan kesahihan pengakuan salah dalam kes Lee Weng Tuck v. PP [1989] 2 CLJ 120; [1989] 1 CLJ (Rep) 75.”*

32. Saya berpendapat bahawa saya telah bertindak berdasarkan budibicara kehakiman dalam ruang lingkup undang-undang yang membenarkan dan mengikut prinsip-prinsip keadilan.
33. Walaubagaimanapun, memandangkan ini merupakan sebutan pertuduhan kes jenayah melalui teknologi maklumat jarak jauh secara sidang video yang saya percaya kali pertama dijalankan di Malaysia menggunakan **Seksyen 101** dan **101B AMR 1948**, saya dengan rendah diri memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk membuat semakan berkenaan keabsahan prosiding yang telah dijalankan.

Bertarikh: **16 OGOS 2021**



**BADRUL MUNIR BIN MOHD HAMDY**  
**HAKIM SESYEN**  
**MAHKAMAH SESYEN PASIR MAS, KELANTAN**

**Otoriti rujukan:**

*Akta Mahkamah Rendah 1948; s. 101(1), s. 101B(1), s. 101B(2), s. 101B(3), s. 101B(4), s. 109*

*Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020*

*Kanun Tatacara Jenayah; s. 3, s. 7, s. 173(a), s. 265A, s. 272B*

*Perlembagaan Persekutuan; Art. 145*

*Abdullah Atan v. PP & Other Appeals [2020] 9 CLJ 151*

*Chai Mei Lian v. PP [2006] 2 CLJ 941*

*Pihak Berkuasa Tatatertib Majlis Perbandaran Seberang Perai & Anor v. Muziadi Mukhtar [2020] 1 CLJ 1*

*PP lwn. Shahareeil Said [2007] 4 CLJ 405*

*PP v. Tan Tatt Eek & Other Appeals [2005] 1 CLJ 713*

[Pada 14 Oktober 2021, melalui Semakan Jenayah No. DA-43-11-08/2021, Hakim Mahkamah Tinggi Kota Bharu, YA Dato' Roslan Bin Haji Abu Bakar memutuskan bahawa prosiding sidang video berkenaan dijalankan secara betul, sah dan menepati peruntukan undang-undang.]